

01 NOV 1999

Mahathir-Islam

ORANG ISLAM ADALAH MANGSA KEGANASAN YANG DIRANCANG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Orang Islam adalah mangsa sebenar keganasan yang dirancang di dunia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya perasaan umum di seluruh dunia bahawa orang Islam cenderung untuk menjadi ekstrim dan ganas, tidak berupaya untuk mentadbir negara mereka dengan baik dan sukakan keganasan, kebanyakannya adalah gembar-gembur media.

"Apabila tindakan keganasan melibatkan orang Islam, pengganas itu selalunya digambarkan sebagai 'pengganas Islam'. Sedangkan apabila terjadi tindakan ganas yang dilakukan oleh penganut Kristian, Hindu dan Buddha, pengganas itu tidak pernah dikaitkan dengan agama mereka.

"Mereka tidak pernah dirujuk sebagai pengganas Kristian atau pengganas Hindu atau pengganas Buddha. Pada hal keganasan mereka tidak kurang ganasnya berbanding orang Islam," kata Dr Mahathir dalam artikelnya yang disiarkan dalam "Mainichi Shimbun" hari ini.

Disebabkan media selalunya merujuk kepada pengganas Islam, kebanyakan orang mengaitkan Islam dan orang Islam dengan keganasan, katanya.

Dr Mahathir berkata di Bosnia Herzegovina, Kosovo, Chechnya, Palestin, Iraq, Iran dan Libya, orang Islam telah dibunuh beramai-ramai dan dibom oleh kumpulan anti Islam dan malahan oleh kerajaan-kerajaan demokratik dan akibatnya beratus-ratus ribu orang Islam telah diseksa, dirogol dan dibunuh.

"Tiada apa yang boleh dilakukan mereka kerana tidak sebuah pun negara Islam yang cukup kuat untuk melindungi orang Islam malahan untuk membantah terhadap layanan buruk serta keganasan yang sering dilakukan terhadap orang Islam dan negara mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata penindasan dan keganasan terhadap orang Islam dan negara mereka telah berlaku berdekad lamanya dan mereka adalah mangsa keganasan di seluruh dunia.

Disebabkan pahit dan kecewa dengan penindasan berterusan di seluruh dunia, dan kerana tidak berupaya untuk mendapatkan perlindungan daripada sesiapa, orang Islam melihat kepada tindakan keganasan yang dicipta oleh Kristian Eropah sebagai cara untuk bertindak balas.

"Jika negara mereka tidak dapat melindungi mereka, jika masyarakat dunia Islam tidak dapat membantu mereka, mereka perlu membalas dengan satu-satunya cara yang mereka boleh lakukan iaitu dengan serangan ganas sembarangan. Keganasan menawarkan mereka satu-satunya cara untuk bertindak balas terhadap malahan kuasa tentera terbesar sekalipun," katanya.

Perdana Menteri berkata majoriti besar orang Islam di dunia merupakan orang yang cintakan keamanan dan menentang keganasan.

"Tetapi mereka tidak dapat mengelak daripada bersimpati atau sekurang-kurangnya memahami kegetiran yang dirasakan oleh mereka ini, dalam banyak keadaan mereka takut terhadap orang digelar pengganas ini kerana mereka akan dianggap pengkhianat jika mereka menentang kumpulan ini.

"Orang Islam biasa dan malahan kerajaan mereka tidak mungkin akan aktif menekan kumpulan pinggiran masyarakat mereka yang ganas ini. Dan oleh itu tindakan keganasan oleh orang Islam yang kecewa ini akan berterusan," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan mengenakan tekanan terhadap negara Islam untuk menyekat "pengganas" ini tidak akan berjaya kerana penduduk akan memberontak jika kerajaan bertindak menentang mereka.

Dan untuk membendung tindakan "ganas" orang Islam ini, cakap-cakap mengenai pengganas Islam dan keganasan orang Islam patut dihalang dan jika perlu ada rujukan terhadap pengganas Islam, perlu juga ada rujukan terhadap agama pengganas yang lain, katanya.

Beliau berkata rungutan orang Islam dan negara mereka, perasaan mereka yang ditindas, serangan terhadap negara mereka dan penduduk negara, patut diperbetulkan dan jika tindakan perlu diambil terhadap mereka, ia harus dipersetujui oleh PBB.

"Tindakan keganasan satu pihak terhadap mereka oleh kerajaan tertentu hanya akan memaksakan hasrat mereka untuk membalas dendam," katanya.

Dr Mahathir berkata serangan media dan cercaan terhadap orang Islam dan negara mereka, haruslah diseimbangkan dengan laporan yang sebenar mengenai orang bukan Islam yang melancarkan serangan ganas terhadap mereka.

Katanya media Barat bertanggungjawab dalam membuat anggapan stereotaip terhadap orang Islam sebagai pembunuh fanatik yang tidak berperikemanusiaan dan orang Islam itu tidak boleh disalahkan jika mereka menganggap semua orang menentang mereka, dengan akibatnya mereka memendam perasaan benci terhadap orang lain.

Perdana Menteri berkata cakap-cakap mengenai bom nuklear Islam patut dihentikan kerana banyak negara bukan Islam sendiri memiliki dan telah menguji senjata nuklear dengan bebas.

Dengan mengambil contoh semasa Pakistan menguji alat nuklearnya, beliau berkata dunia memperkatakan mengenai ancaman bom Pakistan tanpa memikirkan ketakutan sebenar rakyat Pakistan terhadap ujian nuklear India.

"Pun begitu keseluruhan dunia Islam merasa terancam oleh gedung besar senjata nuklear yang dimiliki oleh mereka yang tidak menyukai mereka," katanya.

Di Malaysia, Dr Mahathir berkata kerajaan mengawal sebuah parti Islam daripada cuma menggalakkan Islam yang ekstrim dengan berhujah bersama mereka selaras dengan ajaran Islam.

Katanya pada dasarnya orang Islam di negara ini bersedia untuk berpegang kepada ajaran sebenar Islam dan menolak fanatism yang menghalang kepada keganasan.

"Orang Islam Malaysia dapat menyesuaikan kepada kemajuan pesat dunia modern tanpa hilang atau melemahkan kepercayaan mereka terhadap Islam. Malahan kepercayaan mereka amat kukuh dan mereka terus berpegang kepada ajaran sebenar Islam seperti yang terkandung dalam Al Quran dan sunnah nabi," katanya.

Dr Mahathir berkata kepercayaan mereka tidak langsung menghalang mereka daripada membina sebuah negara perindustrian modern.

Rakyat Islam Malaysia berupaya untuk mentadbir Malaysia bersama orang bukan Islam dan berlaku adil serta saksama kepada sesiapa sahaja tanpa mengira kaum dan agama.

Beliau percaya banyak yang boleh dilakukan oleh negara Islam dan penduduknya untuk memperbaiki imej Islam.

Pelbagai kumpulan negara-negara Islam seperti Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Kumpulan D-8 negara-negara membangun Islam patut membantu memberi tumpuan semula kepada penduduk mereka dan kerajaan dalam mentadbir negara dan membangunkannya.

-- BERNAMA
HS AAM RON